



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

GARIS PANDUAN KELAYAKAN KEMUDAHAN PERALATAN ICT

VERSI 3.0



DISEDIAKAN OLEH:

**Pusat Pembangunan
Maklumat dan
Komunikasi (iDEC)**

powered by
iDEC



<https://idec.upm.edu.my> ► Polisi ICT

KELULUSAN

Dokumen ini merupakan Garis Panduan Kelayakan Kemudahan Peralatan ICT Pekerja UPM Versi 3.0 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JKTMK), UPM pada 10 April 2025.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Fadhlina', is written over a horizontal dotted line.

Profesor Dr. Ts. Nurfadhlina Mohd Sharef
Pengerusi Jawatankuasa Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JKTMK)
Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)
Universiti Putra Malaysia

KANDUNGAN

KELULUSAN.....	0
1.0 PENGENALAN.....	1
2.0 LATAR BELAKANG	1
3.0 PENGGUNAAN PANDUAN	1
4.0 KELAYAKAN KEMUDAHAN PERALATAN ICT.....	1
4.1 PENENTUAN KELAYAKAN	1
4.2 KATEGORI PEKERJA.....	2
4.3 JADUAL KELAYAKAN KEMUDAHAN PERALATAN ICT	2
4.4 PERINCIAN KELAYAKAN MENGIKUT JENIS PERALATAN ICT	3
4.4.1 Tablet	3
4.4.2 Komputer Peribadi.....	3
4.4.3 Komputer Riba.....	3
4.4.4 Pencetak	3
4.5 PERINCIAN KELAYAKAN MENGIKUT NORMA KERJA.....	4
4.5.1 Komputer Peribadi.....	4
4.5.2 Komputer Riba.....	4
5.0 TANGGUNGJAWAB	4
5.1 Pekerja.....	4
6.0 PEMAKAIAN	5
7.0 PENAFIAN.....	5
8.0 RUJUKAN.....	5

1.0 PENGENALAN

1.0 TUJUAN

Panduan ini disediakan bagi menerangkan tatacara kelayakan kemudahan peralatan ICT bagi pekerja Universiti Putra Malaysia. Panduan ini dapat membantu Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk menentukan pengagihan kemudahan peralatan ICT mengikut kelayakan pekerja.

1.1 SKOP

Panduan ini hendaklah diguna pakai untuk semua pekerja Universiti Putra Malaysia (UPM) dan kelayakan serta penggunaan kemudahan peralatan ICT adalah untuk kegunaan rasmi sahaja yang menggunakan peruntukan kewangan PTJ.

1.2 TANGGUNGJAWAB

Ketua PTJ adalah bertanggungjawab dalam menentukan dan meluluskan perolehan kemudahan peralatan ICT berdasarkan kelayakan pekerja dan ketersediaan peruntukan PTJ.

Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi akan menyemak perolehan kemudahan peralatan ICT di Universiti Putra Malaysia melalui Jawatankuasa Kerja ICT (JKICT) UPM.

2.0 LATAR BELAKANG

Kemudahan peralatan ICT merupakan asas penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan di Universiti Putra Malaysia. Kemudahan peralatan ICT yang bersesuaian dengan fungsi dan aktiviti pekerja dapat meningkatkan prestasi dan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.

3.0 PENGGUNAAN PANDUAN

Panduan ini antara lainnya menerangkan mengenai perkara berikut:

- (a) kelayakan kemudahan peralatan ICT tablet, komputer peribadi, komputer riba, dan pencetak bagi pekerja;
- (b) kuasa yang meluluskan perolehan kemudahan peralatan ICT; dan
- (c) bidang kuasa serta tanggungjawab Universiti dan pekerja.

4.0 KELAYAKAN KEMUDAHAN PERALATAN ICT

4.1 PENENTUAN KELAYAKAN

Kelayakan kemudahan peralatan ICT tablet, komputer peribadi, komputer riba, dan pencetak hendaklah dilaksanakan seperti berikut:

- (a) Peringkat Penentuan Kelayakan: Peringkat di mana PTJ perlu melaksanakan penentuan keperluan dan kelulusan mengikut kelayakan,
- (b) Peringkat Kelulusan: Peringkat di mana kelulusan spesifikasi teknikal diperolehi dari kuasa yang melulus, dan
- (c) Peringkat Pelaksanaan Perolehan: Peringkat di mana PTJ melaksanakan perolehan seperti yang telah dipersetujui daripada kuasa yang melulus.

4.2 KATEGORI PEKERJA

Dalam konteks panduan ini, pekerja adalah dikategorikan seperti berikut:

- (a) Pengurusan Universiti (JPU)
- (b) Ketua Pusat Tanggungjawab (Dekan/Pengarah)
- (c) Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah, Ketua Jabatan, Ketua Pentadbiran, Ketua Bahagian atau yang setara.
- (d) Pegawai Akademik (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah)
- (e) Pegawai Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik (Gred 9-14)
- (f) Pegawai Pelaksana (Gred 1 - 8)

4.3 JADUAL KELAYAKAN KEMUDAHAN PERALATAN ICT

KATEGORI	KELAYAKAN KEMUDAHAN PERALATAN ICT			
	TABLET	KOMPUTER PERIBADI	KOMPUTER RIBA	PENCETAK
AHLI PENGURUSAN UNIVERSITI (JPU)	LAYAK	LAYAK	LAYAK	LAYAK
KETUA PTJ (DEKAN/PENGARAH)	LAYAK	LAYAK	LAYAK	LAYAK
TIMBALAN DEKAN, TIMBALAN PENGARAH	LAYAK	LAYAK	LAYAK JIKA TIDAK MEMILIH KOMPUTER PERIBADI	LAYAK
KETUA JABATAN, KETUA PENTADBIR, KETUA BAHAGIAN ATAU YANG SETARA.	LAYAK	LAYAK	LAYAK JIKA TIDAK MEMILIH KOMPUTER PERIBADI	LAYAK TERTAKLUK KEPADA PERUNTUKAN PTJ
PEGAWAI AKADEMIK (PROFESOR, PROFESOR MADYA, PENSYARAH)	GUNA SAMA	LAYAK	LAYAK JIKA TIDAK MEMILIH KOMPUTER PERIBADI	LAYAK TERTAKLUK KEPADA PERUNTUKAN PTJ
PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL BUKAN AKADEMIK (GRED 9 DAN KE ATAS)	GUNA SAMA	LAYAK	LAYAK JIKA TIDAK MEMILIH KOMPUTER PERIBADI	LAYAK TERTAKLUK KEPADA PERUNTUKAN PTJ
PEGAWAI PELAKSANA (GRED 5 – 8)	GUNA SAMA	LAYAK	LAYAK JIKA TIDAK MEMILIH KOMPUTER PERIBADI DAN MENGIKUT NORMA KERJA	GUNA-SAMA
PEGAWAI PELAKSANA (GRED 1 - 4)	TIDAK LAYAK	LAYAK MENGIKUT NORMA KERJA / GUNA SAMA	TIDAK LAYAK	GUNA SAMA

Jadual 1

Perincian spesifikasi teknikal mengikut kelayakan sila rujuk lampiran **Rujukan Spesifikasi Garis Panduan Kelayakan Kemudahan Peralatan ICT**.

4.4 PERINCIAN KELAYAKAN MENGIKUT JENIS PERALATAN ICT

4.4.1 Tablet

Perolehan satu Tablet dibolehkan bagi kegunaan gunasama kepada:

Ahli Pengurusan Universiti (JPU), Ketua PTJ, Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah, Ketua Jabatan, Ketua Pentadbiran, Ketua Bahagian atau yang setara, Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik, Pegawai Pelaksana (Gred 5 – 8); Gunasama : jika tugas dan tanggungjawab promosi dan memerlukan penggunaannya.

4.4.2 Komputer Peribadi

Perolehan satu (1) komputer peribadi dibolehkan kepada:

- (a) Ahli Pengurusan Universiti (JPU), Ketua PTJ, Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah, Ketua Jabatan, Ketua Pentadbiran, Ketua Bahagian atau yang setara, Pegawai Akademik (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah), Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik, Pegawai Pelaksana (Gred 5 – 8);
- (b) Pegawai Pelaksana (Gred 1 – 4) jika tugas dan tanggungjawab hakiki memerlukan penggunaannya atau
- (c) Pegawai Pelaksana (Gred 1 – 4) dengan syarat ianya digunakannya pada nisbah 1 komputer peribadi : 3 staf.

4.4.3 Komputer Riba

Perolehan satu (1) unit Komputer Riba dibolehkan hanya kepada:

- (a) Ahli Pengurusan Universiti (JPU) dan Ketua PTJ sekiranya tidak memilih komputer peribadi;
- (b) Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah, Ketua Jabatan, Ketua Pentadbiran, Ketua Bahagian atau yang setara, Pegawai Akademik, Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik sekiranya tidak memilih komputer peribadi;
- (c) Pegawai Pelaksana Gred 5 - 8 sekiranya tidak memilih komputer peribadi dan mengikut norma kerja.

4.4.4 Pencetak

Perolehan satu (1) unit pencetak dibolehkan hanya kepada :

- (a) Ahli Pengurusan Universiti (JPU), Ketua PTJ, Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah, Ketua Jabatan, Ketua Pentadbiran, Ketua Bahagian atau yang setara;
- (b) Pegawai Akademik serta Pegawai Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik
- (c) Pegawai Pelaksana (Gred 1 – 4 jika tugas dan tanggungjawab hakiki memerlukan penggunaannya atau
- (d) Pegawai Pelaksana (Gred 1 – 4) dengan syarat ianya digunakannya dengan nisbah guna sama adalah 1 pencetak : 10 staf

4.5 PERINCIAN KELAYAKAN MENGIKUT NORMA KERJA

Norma kerja yang boleh dipertimbangkan dalam memberi kemudahan peralatan ICT adalah mengikut keutamaan skop kerja dan penggunaannya selari dengan keperluan sumber seperti berikut:

4.5.1 Komputer Peribadi

Pegawai pelaksana (Gred 5 – 8) yang terlibat sepenuh masa dalam :

- (a) operasi pentadbiran,
- (b) operasi perkhidmatan ICT,
- (c) perkhidmatan kejuruteraan dan
- (d) perkhidmatan reka bentuk.

4.5.2 Komputer Riba

Pegawai pelaksana (Gred 5 – 8) yang :

- (a) terlibat sepenuh masa dalam pembangunan aplikasi dan perkhidmatan ICT Universiti,
- (b) sering menjalankan tugas rasmi di luar pejabat dan
- (c) sering memberi taklimat yang berkaitan dengan bidang kerja

5.0 TANGGUNGJAWAB

Tanggungjawab penggunaan peralatan ICT hendaklah dipatuhi oleh PTJ dan pekerja mengikut Dasar Keselamatan ICT Universiti Putra Malaysia.

5.1 Pekerja

Sepanjang perkhidmatan, pekerja adalah bertanggungjawab ke atas peralatan ICT yang dibekalkan iaitu :

- (a) Menyemak dan memastikan semua peralatan ICT di bawah kawalan pekerja berfungsi dengan sempurna;
- (b) Menyimpan atau meletakkan peralatan ICT di tempat yang terjamin keselamatannya;
- (c) Melaporkan kepada Ketua PTJ sebarang bentuk penyelewengan atau salah guna peralatan ICT;
- (d) Bertanggungjawab ke atas kerosakan yang disebabkan oleh kecuaiannya pekerja itu sendiri dan melaporkan sebarang kerosakan kepada Seksyen ICT berkaitan;
- (e) Melaporkan sebarang kehilangan mengikut prosedur yang ditetapkan di dalam Dasar Keselamatan ICT Universiti Putra Malaysia dan
- (f) Mengisi Borang Penerimaan/Pemulangan Peralatan ICT sebaik sahaja melapor diri dan mengemaskini borang yang sama jika bersara atau berpindah ke PTJ yang lain.

6.0 PEMAKAIAN

Panduan ini digunapakai oleh semua PTJ Universiti Putra Malaysia dan berkuat kuasa kepada semua pekerja Universiti Putra Malaysia bermula dari tarikh surat edaran dikeluarkan.

7.0 PENAFIAN

Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC), Universiti Putra Malaysia tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang liabiliti, kerugian data atau harta benda yang berkaitan dengan sebarang maklumat yang terkandung di dalam Garis Panduan ini dan yang diperolehi daripada sebarang sumber yang berkaitan dengannya. Sebarang maklumat yang terkandung adalah hak milik, UPM dan tertakluk kepada perubahan meskipun tanpa notis. Segala kandungan adalah juga termaktub di bawah penafian dan peraturan pihak Universiti Putra Malaysia.

8.0 RUJUKAN

- (a) Garis Panduan Keselamatan Maklumat dan Komunikasi (GPKTMK) Universiti Putra Malaysia.
- (b) Pekeliling Bursar Bil. 4 Tahun 2019 - Tatacara Pengurusan Aset Alih Universiti.
- (c) Garis Panduan Penggunaan ICT Ke Arah ICT Hijau Dalam Perkhidmatan Awam.



RUJUKAN SPESIFIKASI

GARIS PANDUAN KELAYAKAN KEMUDAHAN PERALATAN ICT (TABLET, KOMPUTER PERIBADI DAN KOMPUTER RIBA)

KATEGORI SPESIFIKASI	1 TABLET GUNASAMA	2 PEGAWAI AKADEMIK	3 PEGAWAI BUKAN AKADEMIK	4 PELAKSANA
PROCESSOR	TABLET PROCESSOR	INTEL® CORE™ I7 INTEL® ULTRA 7 AMD® RYZEN 7 APPLE® M3	INTEL® CORE™ I5 INTEL® ULTRA 5 AMD® RYZEN 5 APPLE® M2	INTEL® CORE™ I5 INTEL® ULTRA 5 AMD® RYZEN 5
FORM FACTOR	TABLET	DESKTOP/AIO/LAPTOP	DESKTOP/AIO/LAPTOP	DESKTOP/AIO
MEMORY	4GB MIN	16GB	8GB	8GB
DISPLAY	10 " MIN	19"-27" (DESKTOP/ AIO) 11" - 17"(LAPTOP)	19" - 23"(DESKTOP/ AIO) 11"-15"(LAPTOP)	19" - 23" (DESKTOP/AIO)
INTERNAL DRIVE	64GB MIN	512GB – 1TB SSD	512GB – 1TB SSD	512GB – 1TB SSD
GRAPHICS	-	ONBOARD / MIN 4GB GPU	ONBOARD / MIN 4GB GPU	ONBOARD
WEBCAM	YES	YES	YES	YES
MIC	YES	YES	YES	YES
NETWORK INTERFACE	SUPPORT WIRELESS	SUPPORT WIRELESS/WIRED	SUPPORT WIRELESS/WIRED	SUPPORT WIRELESS/WIRED
ANTIVIRUS	-	YES	YES	YES

NOTA :

- ✓ PERUBAHAN PADA SPESIFIKASI TERTAKLUK KEPADA TEKNOLOGI TERKINI, PERUNTUKAN KEWANGAN DAN KEPERLUAN KHUSUS
- ✓ RUJUKAN SPESIFIKASI INI ADALAH TERPAKAI MULAI 14 JANUARI 2025 DAN SAH UNTUK TEMPOH 2 TAHUN



facebook.com/UniPutraMalaysia

[@uputramalaysia](https://twitter.com/uputramalaysia)

instagram.com/uniputramalaysia

youtube.com/user/bppupm

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

www.upm.edu.my

powered by
IDEC